



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI
PULAU PINANG

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Makluman Polisi Antirasuah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang	1
Pendahuluan	2
Objektif Polisi	3
Pemakaian Polisi	4
Takrifan	5
Dasar Antirasuah	6-7
Tanggungjawab dan Tindakan	8
Unit Integriti, PSUKPP	9
Kesalahan Rasuah - Hukuman Kesalahan Rasuah	11-14
Pemberian dan Penerimaan Hadiah	15
Polisi Pemberi Maklumat (<i>Whistleblower</i>) - Perlindungan Pemberi Maklumat - Jenis Kesalahan Rasuah / Salah Laku	16-17
Saluran Aduan - Kaedah Pengurusan Maklumat / Aduan - Carta Alir Pengurusan Maklumat / Aduan	18-20
Panduan Jika Berhadapan Dengan Isu Rasuah	21-22
Kegagalan Melapor	23
Pelaksanaan Ketekunan Wajar (<i>Due Diligence</i>)	24-25
Surat Sokongan, Derma, Tajaan & Sumbangan Kebajikan (<i>Corporate Social Responsibility</i>)	26
Implikasi Ketidapatuhan Kepada Polisi Antirasuah	27
Undang-undang Dan Peraturan Lain Yang Berkuatkuasa	28



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

MAKLUMAN POLISI ANTIRASUAH

Selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Polisi Antirasuah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (MMKN) Bil. 7/2019 pada 6 Mac 2019, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang komited untuk mengamalkan tadbir urus baik melalui pengurusan risiko rasuah secara terancang selaras dengan slogan “Cekap, Akauntabiliti, Telus” ke arah perkhidmatan yang berintegriti termasuklah kepada pihak berkepentingan melalui kawalan dan penambahbaikan dijalankan secara holistik dan berterusan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah membangunkan Polisi Antirasuah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang selaras dengan dasar yang telah dinyatakan dalam Polisi Antirasuah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PENDAHULUAN

Penarafan risiko rasuah yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2021 telah meletakkan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang sebagai jabatan berisiko rendah. Oleh yang demikian, Polisi Antirasuah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah dibangunkan sebagai usaha dalam memerangi risiko rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Pembangunan Polisi Antirasuah Jabatan Taman Botani adalah selaras dengan Polisi Antirasuah Kerajaan Negeri yang merupakan penjelasan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, salah guna kuasa, pencanggahan kepentingan dan tuntutan palsu. Polisi ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan akta-akta lain serta peraturan yang berkuatkuasa.

Objektif pembangunan polisi ini adalah untuk memastikan warga kerja Jabatan Taman Botani Pulau Pinang mengamalkan budaya antirasuah dan nilai integriti yang tinggi serta tadbir urus baik dalam penyampaian perkhidmatan.

Polisi Antirasuah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang adalah komitmen penjawat awam di Jabatan Taman Botani dalam menyokong hasrat Kerajaan Negeri untuk membanteras pelanggaran integriti khususnya rasuah di samping memperkukuhkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan slogan "Cekap, Akauntabiliti, Telus".



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG


OBJEKTIF POLISI




Memberi sumber rujukan berhubung tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.



Sebagai satu kaedah pencegahan bagi mengenalpasti, memahami dan menjauhi pelakuan rasuah dan salah guna kuasa.



Menjelaskan kesalahan-kesalahan yang terdapat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan akta lain yang berkaitan.



Mewujudkan warga kerja berintegriti dan bebas rasuah agar memastikan perkhidmatan awam disampaikan secara “Cekap, Akauntabiliti, Telus” kepada rakyat.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini terpakai kepada semua anggota pentadbiran awam di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang dan semua pihak berkepentingan dalam Jabatan Taman Botani Pulau Pinang.

Kesalahan-kesalahan rasuah, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu serta peraturan dan liabiliti yang dinyatakan dalam polisi ini adalah merupakan kesalahan yang ditegah oleh undang-undang dan peraturan berkuatkuasa.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa seperti Akta SPRM 2009, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997. Polisi ini akan ditambahbaik dari masa ke masa selaras dengan keperluan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

TAKRIFAN

Terma	Takrifan
Warga Kerja	Semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang sama ada lantikan tetap, kontrak, sementara, sangkut, pinjaman, atau sambilan.
Rasuah	Definisi di bawah ASPRM 2009 membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.
Suapan	Suapan merujuk kepada takrifan "suapan" di bawah Seksyen 3, ASPRM 2009.
Hadiah	Hadiah termasuk wang, harta alih atau tidak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi atau diterima pegawai atau pasangan pegawai atau mana-mana orang bagi pihak pegawai, dengan tiada balasan atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu mencukupi atau tidak mencukupi.
Pihak Berkepentingan	Terdiri daripada individu, syarikat swasta, kontraktor, pembekal, pertubuhan, badan bukan kerajaan, agensi kerajaan, koperasi atau mana-mana entiti yang mempunyai hubungan rasmi dengan Jabatan Taman Botani.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

DASAR ANTIRASUAH

Jabatan Taman Botani Pulau Pinang (JTBP) beriltizam untuk melaksanakan amalan tadbir urus baik, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) bagi mewujudkan sebuah organisasi yang mempunyai budaya kerja yang cemerlang, cekap dan amanah. Justeru, JTBP komited untuk:

- 1) Memastikan nilai integriti dan etika dilaksanakan pada tahap yang tertinggi dan mematuhi sepenuhnya semua keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan antirasuah agar risiko rasuah dapat diuruskan dengan berkesan;
- 2) Melaksanakan dan mengamalkan Sistem Pengurusan Antirasuah dalam aktiviti dan perkhidmatan kami kepada pelanggan dan pemegang taruh supaya segala ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat diatasi dengan cekap dan efisien;
- 3) Memastikan Dasar Antirasuah ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan peruntukan undang-undang lain yang berkaitan, sama ada di peringkat persekutuan, negeri mahupun antarabangsa;
- 4) Memastikan Dasar Antirasuah ini bertepatan dengan hala tuju, polisi dan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah negeri bebas rasuah;



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

DASAR ANTIRASUAH

- 5) Mematuhi Kod Etika dan Polisi Antirasuah dalam urusan organisasi dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam usaha untuk mencapai misi, visi dan objektif antirasuah;
- 6) Sentiasa memahami, mengamalkan dan mematuhi keperluan-keperluan di bawah Sistem Pengurusan Antirasuah;
- 7) Memberi ruang kepada warga kerja, pelanggan dan pemegang taruh untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah di dalam organisasi melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat;
- 8) Melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (MS ISO 37001:2016) dari semasa ke semasa;
- 9) Mengenakan tindakan tatatertib mahupun tindakan undang-undang yang sewajarnya ke atas warga kerja sekiranya gagal mematuhi kepada Dasar Antirasuah ini; dan
- 10) Memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah dan melaporkan salah laku atau apa-apa ruang dan peluang yang menyebabkan risiko rasuah kepada Unit Integriti, PSUKPP.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

PENGURUSAN ATASAN JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

- i. Membuat pemantauan menyeluruh dan tumpuan kepada komunikasi dalam supaya tindakan-tindakan proaktif dalam usaha menangani gejala rasuah dapat dikesan, dicegah dan ditangani.

WARGA KERJA JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

- i. Melaporkan sekiranya terdapat aktiviti berkaitan rasuah melalui saluran yang telah disediakan, identiti pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- ii. Memahami Polisi Antirasuah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang;
- iii. Bekerjasama sepenuhnya semasa prosiding siasatan dijalankan; dan
- iv. Menghadiri latihan berkaitan pengukuhan dan pematuhan Polisi Antirasuah.

LIAISON INTEGRITY OFFICER (LIO)

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

- i. Melaksanakan kawalan dalaman berkaitan sebarang melakukan jenayah rasuah yang berlaku di dalam Jabatan dan melaporkan kepada agensi berkaitan;
- ii. Memberi penerangan jelas kepada warga kerja berkaitan kesalahan rasuah di bawah undang-undang dan sebarang pelanggaran tatakelakuan yang membolehkan pegawai diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997; dan
- iii. Menguruskan aduan / maklumat yang diterima daripada Pemberi Maklumat.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

UNIT INTEGRITI, PSUKPP

TADBIR URUS	PENGUKUHAN INTEGRITI	PEMATUHAN DAN TATATERTIB
Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.	Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.	Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan.

ADUAN PENGESANAN DAN PENGESAHAN

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

KESALAHAN RASUAH

Akta SPRM 2009 memperuntukan kesalahan rasuah. Perbuatan sama ada menawar, memberi, meminta atau menerima seperti wang, hadiah, perkhidmatan, upah, suapan dan seumpamanya, sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan bidang kuasa tugas individu tersebut.

- 1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta SPRM 2009 (Akta 694)
- 2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta SPRM 2009 (Akta 694)
- 3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta SPRM 2009 (Akta 694)
- 4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta SPRM 2009 (Akta 694)
- 5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta SPRM 2009 (Akta 694)



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

HUKUMAN MEMBERI ATAU MENERIMA RASUAH

Kesalahan yang disabitkan boleh dikenakan penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda jumlah nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi di bawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009.

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 16, Akta SPRM 2009 (Akta 694) - Kesalahan menerima suapan.	Seksyen 24 Akta SPRM 2009 - Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.
Seksyen 17, Akta SPRM 2009 (Akta 694) - Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen.	
Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4. (2) (a), (b), (f), (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

HUKUMAN SALAH GUNA KUASA / PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Seseorang individu menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu yang mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

Percanggahan kepentingan adalah salah laku melibatkan konflik antara kepentingan peribadi seseorang individu dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas beliau.

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 23, Akta SPRM 2009 (Akta 694) - Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan.	Seksyen 24 Akta SPRM 2009 - Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4. (2) (a), (b), (c), (f), (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

HUKUMAN TUNTUTAN PALSU

Seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (majikan/jabatan).

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 18, Akta SPRM 2009 (Akta 694) - Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah.	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai butir matan yang palsu, atau silap atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4. (2) (f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

Semua warga kerja dilarang meminta atau menerima segala bentuk hadiah seperti wang, hamper, tajaan percutian, tambang percuma, perkhidmatan dan sebagainya daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi. Individu juga tidak boleh menerima hadiah yang tidak sepadan dengan maksudnya ianya diberikan atau diterima dengan niat rasuah atau jenayah.

Jika individu tersebut berada dalam situasi pemberian hadiah itu sukar ditolak, individu tersebut boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan untuk mendapat kelulusan.

Peraturan berkaitan penerimaan dan pemberian hadiah adalah seperti berikut:

- Ceraian UP.7.2.5 Tatacara Pemberian dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

POLISI PEMBERI MAKLUMAT



Menggalakkan semua lapisan masyarakat melaporkan apa-apa pelanggaran tatakelakuan atau rasuah tanpa rasa takut atau bimbang.



Memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa mereka akan dilindungi dan pendedahan akan disimpan secara rahsia tanpa didedahkan pada mana-mana pihak lain. Segala butir maklumat dan pemberi maklumat termasuk dari pelapor tanpa nama, akan dilindungi sebagai mana tertakluk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.



Menggalakkan pemberi maklumat mendedahkan aktiviti rasuah, salahguna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi Maklumat (*Whistleblower*) akan diberikan perlindungan sebagaimana yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711). *Whistleblower* terdiri daripada warga kerja, pelanggan, rakan niaga, dan pihak berkepentingan lain. Perlindungan meliputi:

- Melindungi maklumat sulit;
- Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
- Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.

JENIS KESALAHAN RASUAH / SALAH LAKU

Aduan / Laporan salah laku termasuklah:

- Mengambil atau memberi rasuah;
- Salah guna kuasa;
- Penipuan sebenar atau yang disyaki;
- Pelakuan yang melanggar undang-undang dan peraturan berkaitan kesalahan rasuah;
- Sebarang tindakan melibatkan percanggahan kepentingan dan salah guna kuasa dan kedudukan;
- Mencuri, menyeleweng, menyalahguna inventori atau aset;
- Kesalahan jenayah, memeras ugut;
- Tingkah laku tidak beretika;
- Pemalsuan dokumen dokumen; dan
- Salah laku lain di dalam Buku Kod Etika dan Tatakelakuan Anggota Pentadbiran Awam Negeri Pulau Pinang dan Etika Perkhidmatan Awam



POLISI ANTIRASUAH


JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

SALURAN ADUAN



Hadir Sendiri

Berjumpa dengan Pegawai Aduan



Emel


integriti@penang.gov.my
botani@penang.gov.my



Surat Aduan

Unit Integriti
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Aras 30, 10503, KOMTAR
Pulau Pinang

Jabatan Taman Botani
Kompleks Pentadbiran
Bangunan Pavilion
Jalan Kebun Bunga
10350, Pulau Pinang



Sistem Aduan Integriti (eINTEGRITI)

<https://eintegriti.penang.gov.my>



Telefon


04-6505741 / 5742 / 5749 (Unit Integriti)
04-2264401 (Jabatan Taman Botani)



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

KAEDAH PENGURUSAN MAKLUMAT / ADUAN



Aduan atau maklumat boleh disalurkan melalui surat, emel, telefon, Sistem Aduan Integriti (eINTEGRITI) atau secara bersemuka. Pertemuan secara bersemuka dengan Pemberi Maklumat adalah penting bagi memastikan maklumat yang diberikan adalah sahih.



Unit Integriti PSUKPP adalah Urus Setia di peringkat Negeri yang akan menilai, menyiasat dan melaporkan aduan atau maklumat yang diterima dari Pemberi Maklumat dengan mengesyorkan tindakan diambil dengan cepat dan adil.




Segala butir maklumat dan pemberi maklumat termasuk dari pelapor tanpa nama, akan dilindungi sebagai mana tertakhluk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

CARTA ALIR PENGURUSAN MAKLUMAT / ADUAN





POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PANDUAN JIKA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

1

TOLAK

- Mana-mana individu yang ditawarkan atau diberikan rasuah, atau diminta memberi rasuah, hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran tersebut dan segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti.
- Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, individu tersebut hendaklah menolak arahan tersebut dan segera melaporkan perkara itu kepada pegawai di Unit Integriti.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PANDUAN JIKA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

2

LAPOR

- Mana-mana individu yang mengetahui sesuatu kesalahan rasuah atau perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan telah, sedang atau akan berlaku, hendaklah segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti.
- Mana-mana individu diberitahu oleh mana-mana pihak berkaitan berlakunya kesalahan rasuah, maka individu tersebut hendaklah segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti.
- Mana-mana individu yang telah melaporkan berkaitan kesalahan rasuah hendaklah tidak mendedahkan maklumat atau pelaporan tersebut kepada apa-apa keterangan dan bahan bukti yang berkaitan kesalahan tersebut daripada dimusnahkan.
- Individu yang berkaitan hendaklah merahsiakan identiti Pemberi Maklumat bagi melindungi Pemberi Maklumat atau aduan tersebut daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.




POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

KEGAGALAN MELAPOR RASUAH


TAHUKAH ANDA?

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan kesalahan berikut:



GAGAL melaporkan pemberian atau tawaran suapan di bawah Seksyen 25(1) dan (2) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

GAGAL melaporkan permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.





POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)

SISTEM TAPISAN KEUTUHAN ELEKTRONIK (eSTK).

Tapisan Keutuhan yang dilaksanakan oleh SPRM adalah berdasarkan kepada Pekeliling Am Sulit 1/1985. Bermula 1 Januari 2013, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 tahun 2012, SPRM juga telah melaksanakan proses Tapisan Keutuhan bagi urusan Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

eSTK diwujudkan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan tapisan keutuhan kepada SPRM secara elektronik tanpa melibatkan penghantaran permohonan secara fizikal.

Jenis permohonan tapisan merangkumi urusan:

- Kenaikan Pangkat;
- Bersara Pilihan;
- Tapisan Am;
- Pengurniaan Pingat Persekutuan;
- Pengurniaan Pingat Negeri; dan
- Pingat Perkhidmatan Cemerlang.



Laman Sesawang :
<https://estk.sprm.gov.my/login>



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

PELAKSANAAN USAHA WAJAR (DUE DILIGENCE)

Due diligence dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi bagi tujuan penilaian dan untuk mengemaskini sebarang perubahan dan maklumat baru supaya dapat digunakan dalam penentuan semula tahap risiko.

TAPISAN DALAMAN

- Kenaikan pangkat
- Pengesahan dalam Perkhidmatan
- Pertukaran Penempatan
- Bercuti Luar Negara
- Permohonan Pekerja Luar
- Pengisytiharan Harta
- Tahap Keberhutangan

TAPISAN LUARAN

- Data Pesalah Rasuah melalui laman sesawang SPRM (<https://www.sprm.gov.my/>)



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

SURAT SOKONGAN

Warga Jabatan Taman Botani Pulau Pinang mengamalkan dasar menolak sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar bagi menyokong apa-apa tuntutan atau permohonan. Jabatan Taman Botani Pulau Pinang juga tidak mengeluarkan sebarang surat sokongan kepada mana-mana pihak.

DERMA ATAU TAJAAN

Jabatan Taman Botani Pulau Pinang tidak mengamalkan sebarang pemberian atau penerimaan derma atau tajaan.

SUMBANGAN KEBAJIKAN (CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY)

Jabatan Taman Botani Pulau Pinang ada membuat sumbangan kebajikan kepada golongan tertentu seperti mangsa bencana alam atau warga yang menghadapi kemudaratan, tetapi sumbangan tersebut adalah sumbangan peribadi warga kerja Jabatan Taman Botani Pulau Pinang dan tidak menggunakan peruntukan Jabatan. Jabatan Taman Botani Pulau Pinang tidak menghalang mana-mana badan bukan kerajaan, syarikat swasta, persatuan atau agensi untuk turut serta dalam program CSR, tetapi pihak Jabatan telah menyatakan dengan jelas bahawa pemberian sumbangan tidak akan mempengaruhi keputusan Jabatan terhadap sebarang kelulusan atau tawaran pada masa hadapan.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN KEPADA POLISI ANTIRASUAH

Ketidakpatuhan yang dikenalpasti akan dilaporkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Taman Botani Pulau Pinang. Mana-mana pihak yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah boleh dikenakan:

- WARGA KERJA** : Tindakan tatatertib jika didapati terlibat dengan kes rasuah dan boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

- RAKAN NIAGA ATAU PIHAK LUAR** : Tindakan penangguhan atau pembatalan jika kontrak belum dimuktamadkan atau tindakan penamatan jika kontrak sedang berjalan. Hukuman lain juga boleh diambil jika melibatkan kerugian atau kepentingan Jabatan Taman Botani seperti bayaran ganti rugi atau tindakan undang-undang yang berkaitan, dan pembekal akan disenaraihitamkan oleh pihak Jabatan untuk sebarang urusan pada masa akan datang.



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG


UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA


No.	Undang-undang dan Peraturan
1.	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
2.	Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574) – Suapan
3.	Seksyen 213 – 215, Kanun Kesesakan (Akta 574) – Hadiah
4.	Seksyen 403 – 409, Kanun Kesesakan (Akta 574) – Pecah Amanah
5.	Seksyen 417 – 420, Kanun Kesesakan (Akta 574) – Penipuan
6.	Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLAFTPUAA) 2001- Akta 613
7.	Ceraian UP.7.2.5 Tatacara Pemberian dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia



JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

Kompleks Pentadbiran, Bangunan Pavilion
Jalan Kebun Bunga, 10350, Pulau Pinang

 04 - 2264401

 04 - 2264403

 botani@penang.gov.my

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS

Hapus Rasuah Tebus Maruah